

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	22 APRIL 2017

PM minta media bantu tepis berita palsu

BH - 22/4/2017

➔ Maklumat tak benar perlu dibendung, dikawal elak ancam keselamatan negara

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman
wananwar@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak berkata, kerajaan memandang serius kewujudan secara berleluasa berita palsu ketika ini kerana ia mengancam keselamatan negara dari pelbagai sudut.

Justeru, Perdana Menteri meminta pengamal media membantu kerajaan menepis penularan berita palsu yang semakin berleluasa dengan melaporkan berita yang tepat dan sah dengan kebenaran.

“Jika berita palsu tidak diben-

dung dan dikawal, ia akan mengancam keselamatan negara daripada pelbagai sudut.

“Jadi, pengamal media dan wartawan perlu membantu kami membangunkan negara, sekali gus menjadikan Malaysia lebih makmur bagi menentukan kesejahteraan hidup rakyat.

Sampaikan kebenaran

“Kita meminta media membantu kerajaan menyampaikan kebenaran dan bukan bersandarkan kepada berita palsu. Kita mempunyai masa depan yang cukup cerah, jangan kata kita sebuah negara yang gagal atau bankrap.

“Saya akan berjuang untuk memastikan Malaysia menjadi 20 negara termaju dalam masa bebe-

rapa tahun akan datang.

“Anda boleh tidak bersetuju dengan kerajaan tetapi biarlah secara berfakta,” katanya pada majlis Malam Wartawan Malaysia 2017, di sini, malam tadi.

Yang turut hadir, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Dr Salleh Said Keruak; Pengerusi Malam Wartawan Malaysia 2017, Datuk Dr Chamil Wariya; Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PETRONAS, Datuk Wan Zulkiflee Wan Ariffin; Ketua Pegawai Eksekutif The News Straits Times Press (M) Bhd (NSTP), Datuk Abdul Jalil Hamid; Pengarang Kumpulan BH, Datuk Mahfar Ali dan Pengarang Kumpulan Harian Metro, Datuk

Mustapa Omar.

Najib berkata, rakyat hari ini berada pada era pasca-kebenaran, sekali gus menjadikan peranan dan tanggungjawab wartawan serta media membangunkan masyarakat dengan maklumat sahih.

“Saya katakan ini kerana dalam era pasca-kebenaran, kehadiran berita palsu dalam pelbagai platform media sosial sudah menjadi lumrah.

“Apa yang menyedihkan masyarakat menerima secara bulat-bulat apa yang disogokkan kepada mereka.

“Mereka tidak dapat membezakan antara intan dan kaca, jadi ia perlu dibendung untuk keselamatan negara,” katanya.